



20 Mei 2016  
20 May 2016  
P.U. (A) 131

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) (PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA BUTTERWORTH-KULIM) (PINDAAN) 2016

### *FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT) (COLLECTION OF TOLLS) (BUTTERWORTH-KULIM EXPRESSWAY) (AMENDMENT) ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN)  
(PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA BUTTERWORTH-KULIM) (PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [*Akta 306*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuh Raya Butterworth-Kulim) (Pindaan) 2016**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 12 Januari 2012.

**Pindaan perenggan 2**

2. Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuh Raya Butterworth-Kulim) 1996 [*P.U. (A) 564/1996*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam perenggan 2—

(a) dalam subperenggan (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “Konsortium Lebuh Raya Butterworth-Kulim (KLBK) Sdn. Bhd.” dengan perkataan “Projek Lebuh Raya Usahasama Berhad”;

(ii) dengan menggantikan perkataan “1 Jun 2005 sehingga 27 Jun 2026” dengan perkataan “12 Januari 2012 sehingga 31 Disember 2038”; dan

(iii) dengan menggantikan perkataan “ruang (2) Bahagian I dan II” dengan perkataan “ruang (1)”;

(b) dalam subsubperenggan (1)(a), dengan menggantikan perkataan “ruang (2) Bahagian I Jadual Pertama mengikut tahun-tahun konsesi yang dinyatakan dalam ruang (1)” dengan perkataan “ruang (2) Jadual Pertama”; dan

(c) dalam subsubperenggan (1)(b), dengan menggantikan perkataan “ruang (2) Bahagian II Jadual Pertama mengikut tahun-tahun konsesi yang dinyatakan dalam ruang (1)” dengan perkataan “ruang (2) Jadual Pertama”.

### **Penggantian Jadual Pertama**

3. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan Jadual yang berikut:

#### **“JADUAL PERTAMA**

**[Subperenggan 2(1)]**

#### **KADAR TOL BAGI TEMPOH DARI 12 JANUARI 2012 HINGGA 31 DISEMBER 2016**

| (1)<br><i>Kelas Kenderaan</i>                                                           | (2)<br><i>Tol Kena Dibayar (RM)</i> |                        |
|-----------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------|------------------------|
|                                                                                         | <i>Plaza Tol Kubang<br/>Semang</i>  | <i>Plaza Tol Lunas</i> |
| 1. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan tiga atau empat roda (kecuali teksi dan bas) | 1.60                                | 1.60                   |
| 2. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan lima atau enam roda (kecuali bas)            | 3.20                                | 3.20                   |
| 3. Kenderaan yang mempunyai tiga gandar atau lebih (kecuali bas)                        | 4.80                                | 4.80                   |
| 4. Teksi                                                                                | 0.80                                | 0.80                   |
| 5. Bas                                                                                  | 1.60                                | 1.60                   |